

02 OCT 1997

Hamid-Penyelarsan

PENYELARASAN UNDANG-UNDANG ISLAM BUKAN AMBIL ALIH KUASA NEGERI

KUALA LUMPUR, 2 Okt (Bernama) -- Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman hari ini berkata penyelarasan dalam pelaksanaan undang-undang Islam di negara ini bukan untuk mengambil alih atau mengubah kuasa negeri dalam bidang agama.

Beliau berkata sebaliknya ia bertujuan menitikberatkan soal penggunaan prosedur dan hukuman yang sama oleh negeri-negeri.

Pada masa ini, Jawatankuasa Penyeragaman Undang-undang Syariah yang dibentuk oleh Majlis Raja-raja sedang menggubal undang-undang yang sama daripada segi prosedur dan hukuman untuk digunapakai di negeri-negeri, katanya kepada pemberita selepas merasmikan bengkel anjuran Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), di sini.

Beliau berkata cadangan itu dijangka dapat dibentangkan pada mesyuarat Majlis Raja-Raja awal tahun depan untuk pertimbangan dan keputusan.

Pagi ini, Dr Abdul Hamid menghadap dan berbincang mengenai perkembangan usaha penyelarasan itu dengan Sultan Perak, selaku penasihat undang-undang dalam perkara itu.

Jawatankuasa penyeragaman itu, yang diketuai oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dianggotai oleh pakar undang-undang, ulama dan penggubal dasar.

Dr Abdul Hamid berkata penyelarasan dalam undang-undang Islam di negara ini penting kerana pada masa ini wujud beberapa perbezaan antara negeri-negeri dalam perkara itu dan ia antara lain mengakibatkan ketidakadilan.

Umat Islam di negara ini bebas untuk berhijrah ke mana-mana negeri dalam negara ini dan antara masalah yang timbul sekarang ialah ada pihak yang tidak tertakluk kepada undang-undang Islam negeri berkenaan kerana berasal dari negeri lain, katanya.

Terdahulu, ketika merasmikan bengkel pengurusan dan pentadbiran Dar Assaadah, sebuah pusat perlindungan dan pemulihan wanita Islam Wilayah Persekutuan, Dr Abdul Hamid berkata Kompleks Perlindungan Masyarakat Islam yang sedang dibina di sini akan turut menempatkan orang-orang tua tak berwaris selain pelatih-pelatih Dar Assaadah.

Dar Assaadah, yang ditubuhkan pada 1989, telah membantu 226 wanita Islam. Sepanjang tempoh itu, seramai 112 anak dilahirkan oleh sebahagian daripada pelatih itu dan anak-anak itu diserahkan sebagai anak angkat kepada keluarga lain.

Bengkel sehari itu, yang turut disertai oleh ahli-ahli sosiologi bertujuan memantapkan lagi pengurusan dan pentadbiran Dar Assaadah apabila ia berpindah ke Kompleks Perlindungan Masyarakat Islam nanti dan mengambil lebih banyak pelatih. Kompleks itu mampu menampung 600 hingga 800 pelatih pada satu-satu masa. -- BERNAMA

AFY NAK